

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 16 JULAI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15.	ISU NELAYAN VIETNAM, MUKA DEPAN, HM -1 TIGA JAM POTONG PUKAT, SETEMPAT, HM -10 TERENGGANU BINCANG PUSAT, SETEMPAT, HM -10 TENGSELAM KAPAL NELAYAN ASING, SETEMPAT, HM -11 TIADA KEPERLUAN TAMBAH ASET APMM, SETEMPAT, HM -11 NAFAS BARU NELAYAN KAMPUNG TAMBUN, NASIONAL, SH -6 BANTUAN SEGERA UNTUK JETI SITOMPOK, NASIONAL, SH -7 SAMAN TERTUNGGAK KEMENTERIAN PERTANIAN, INDUSTRI ASAS TANI, DALAM NEGERI, UM -6 PENGUSAHA PERLU TEROKA INOVASI BAHARU PRODUK KOPITEMPATAN, NEGARA, KOSMO -12 INNOVATE AND KEEP UP WITH TRENDS, COFFE MANUFACTURERS TOLD, NEWS, EDGE MARKETS -10 INNOVATE AND KEEP UP WITH TRENDS, COFFE MANUFACTURERS TOLD, NEWS, KL SCREENER -10 INNOVATE AND KEEP UP WITH TRENDS, COFFE MANUFACTURERS TOLD, NEWS, SME.COM.MY -6 INNOVATE AND KEEP UP WITH TRENDS, COFFE MANUFACTURERS TOLD, NEWS, MARTIN TF WONG -10 DURIAN MUSANG KING DARI MALAYSIA MULA DIJUAL DI CHINA, NEWS, FREE MALAYSIA TODAY -6 MUSNAH BOT NELAYAN LANGGAR PERATURAN, NASIONAL, BH -12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
16. 17. 18.	GIAT PERIKANAN LAUT DALAM, DALAM NEGERI, UM -9 IKAN LUMBA-LUMBA BERUSAI 30 TAHUN DITEMUI MATI, NEGARA, KOSMO -15 SEAWEEED CLUSTER PROJECTS IN SABAH NOT ACHIEVING OBJECTIVES, HOME, BORNEO POST (KK) -3	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
19.	LKIM TUMPU USAHA JUAL IKAN DENGAN HARGA MURAH, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -14	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
20. 21. 22. 23. 24.	EKSPORT NANGKA, NEGARA, KOSMO -4 NANGKA MALAYSIA KE LONDON, TENGAH, HM -28 NANGKA TEMERLOH KE LONDON, DALAM NEGERI, UM -44 KEGIATAN BOM IKAN DIDALANGI RAKYAT MALAYSIA, DALAM NEGERI, UM -44 PUJUK PENYU KEMBALI BERTELUR DI TERENGGANU, NEGARA, KOSMO -10	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA SURAT

16/7/2019

HARIAN METRO

MUKA DEPAN

1

## ISU NELAYAN VIETNAM

▶ Tiga jam diambil penyelam APMM buang tali dan pukat dilempar nelayan Vietnam ke kipas KM Pekan

“Tiada keperluan tambah aset APMM”  
**Tan Sri Muhyiddin Yassin,**  
Menteri Dalam Negeri

“Bot ceroboh perairan negara akan ditenggelamkan -  
**Datuk Salahuddin Ayub,**  
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

> 10&11





## KOMPLIT KLON BOT

# Tiga jam potong pukat

■ Empat penyelam APMM berkerja keras potong tali tersangkut kipas bot akibat dibaling nelayan Vietnam

Skuad Khas Harian Metro  
am@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

Penyelam Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) mengambil masa tiga jam bagi membuang tali dan pukat yang dilemparkan nelayan Vietnam ketika cubaan meloslon diri dari penguat kuasa kira-kira 97 batu nautika dari Kuala Tok Balli, Kelantan, Selasa lalu.

Pegawai Memerintah KM Pekan Kapten Maritim Che Engku Suhaimi Che Engku Daik berkata, empat kru penyelam APMM dikerahkan bagi memotong tali dan pukat yang tersangkut pada kipas KM Pekan milik agensi itu. "KM Pekan masih boleh bergerak cuma mengalami sedikit gegaran selepas tali



(dan pukat) dibuang nelayan Vietnam tersangkut pada kipas.

"Sehubungan itu, empat penyelam diturunkan ke laut bermula jam 7 pagi hingga 10 pagi sehari selepas kejadian (Rabu).

"Selepas pukat dan tali sepanjang antara 50 hingga 200 meter dan ketebalan 2 inci (5cm) hingga 4 inci

(10cm) berjaya dipotong, keadaan KM Pekan kembali normal," katanya.

Beliau berkata, ketika kejadian yang berlaku pada kedudukan kira-kira 25 batu nautika dari sempadan Malaysia-Vietnam itu, sebuah daripada dua bot nelayan Vietnam yang dikesan menceroob perairan negara itu cuba bertindak ganas

**Kuala Terengganu:** Kerajaan negeri sudah meminta Kerajaan Pusat mendapatkan bantuan aset yang sesuai dan mewujudkan jeti Pasukan Polis Marin (PPM) dalam usaha membanteras pencerobohan nelayan asing di perairan Terengganu.

Menteri Besar Terengganu Dr Ahmad Samsuri Mokhtar berkata, bagaimanapun perkara itu masih dalam tindakan Kerajaan Pusat.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa mengambil perhatian berhubung isu pencerobohan nelayan asing dan sentiasa membawa isu itu ke Parlimen kerana ia turut membabitkan beberapa agensi penguatkuasaan di bawah Kerajaan Pusat.

"Kerajaan negeri juga sentiasa berbincang dengan Kerajaan Pusat berhubung isu pencerobohan perairan negara membabitkan nelayan asing ini.

"Oleh kerana keluasan laut di perairan negeri ini luas, memang ada (bot nelayan asing) yang terlepas juga tetapi kita memang sentiasa meminta (bantuan)

## Terengganu bincang Pusat

daripada Kerajaan Pusat dan ketika perbincangan dengan Kerajaan Pusat, saya pernah sebut dengan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sendiri perlunya dipertingkatkan dan dibantu agensi penguatkuasaan di negeri ini dari segi aset mereka.

"Saya juga pernah bertemu dengan Ketua Polis Negara sebelum ini minta supaya diwujudkan jeti PPM dan

sebagainya untuk membantu dalam (melaksanakan operasi) pencegahan di perairan Terengganu yang seluas 244 kilometer ini.

"Mereka memberi komitmen dan mengaku (apa yang saya maklumkan itu) ada keperluan cuma dari segi kewangan,

(Kerajaan) Pusat mengalami kekangan, kesukaran untuk mendapat aset yang sesuai ini," katanya dalam sidang media selepas menghadiri Mesyuarat Kedua

Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu Ke-14 di Wisma Darul Iman, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kegiatan bot nelayan asing yang menceroob perairan negeri sehingga menjejaskan pendapatan nelayan tempatan terutama di Jeti Pelabuhan Chendering, di sini.

Dr Ahmad Samsuri berkata, bantuan aset diperlukan itu termasuk bot berkuasa tinggi dan peralatan khas bagi memantau pencerobohan yang berlaku di perairan negeri.

"Bot (digunakan) nelayan asing (yang menceroob) ini berkuasa tinggi dengan dibuat pengubahsuaian dan sebagainya. Jadi, kalau setakat bot kecil yang kita ada, sama ada negeri atau Pusat ini memang tidak cukup.

"Kita perlu yang lebih canggih sehingga pemantauan melalui sistem satelit," katanya.



DR Ahmad Samsuri



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/7/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	11

**HARIAN METRO**



LAPORAN Harian Metro Sabtu lalu

16-07-2019

meloskan diri.  
 "Satu daripada bot berkenaan tumpang manakala sebuah lagi berani mengambil risiko dan bertindak agresif dengan melancarkan tali bersaiz 6 inci (15.2cm) selepas cubaan pertama mereka gagal.

Tindakan itu menyebabkan kapal KM Pekan gagal menghampiri bot kerana kipas tersangkut, namun rangkaian ke atas bot Vietnam itu berhasil dengan bantuan bot dimaki enam kru APMM.

"Semasa kejadian, tekong dilihat mengikat tali pada stereng bot dan awak-awak bersiap sedia untuk terjun ke laut manakala alat navigasi Sistem Pengesanan Global (GPS) dibuang ke laut untuk dijadikan alasan tidak sedar berada di kawasan perairan Malaysia.

Pemeriksaan lanjut juga mendapati, tekong berkenaan sudah mabuk kerana disyaki mengambil minuman keras," katanya.  
 Selasa lalu, kru KM Pekan mengambil masa empat jam sebelum berjaya memintas bot nelayan Vietnam yang melanggar KM Pekan dalam cubaan meloskan diri.  
 Ini gara-gara nelayan Vietnam itu membuang tali dan pukat ke laut supaya menyekat kipas dan menghalang pergerakan KM Pekan.

Sebelum ini, Harian Metro secara eksklusif dalam

laporan bersiri mendedahkan wujud komplot mencuri hasil sumber laut negara melalui kegiatan bot klon dan lesen ali baba.

Kegiatan yang berleluasa sejak beberapa tahun lalu dikatakannya kebal daripada undang-undang Malaysia di mana ia dibantu oleh dalang rakyat Vietnam yang menetap di negara ini serta orang dalam pihak berkuasa sendiri.

Pendedahan itu turut mendapat perhatian Dewan Rakyat yang seterusnya meluluskan Rang Undang-Undang Perikanan (Pindaan) 2019. Selasa lalu.

**PENYELAM APMM** berusaha memotong tali dan pukat nelayan Vietnam yang tersangkut di kipas KM Pekan.

**Kuala Lumpur**

**Tenggelam kapal nelayan asing**

Kapal penangkap ikan asing yang mencero-robah negara ini bakal berdepan tindakan tegas termasuk dinapud atau ditenggelamkan sekiranya melanggar peraturan menerusi polisi baharu yang bakal dirangka tidak lama lagi.

Selain itu, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, kapal tempatan sedia ada juga tidak terkecuali daripada tindakan itu dalam usaha ketajaman mengkekang penyalahgunaan lesen kapal perikanan laut dalam di negara ini.

"Kita mesti berlaku tegas, mungkin di peringkat awal orang mengatakan kita kejam tetapi saya berjanji di dalam dewan yang mulla ini, beberapa polisi baharu mengenai perikanan akan dirangka untuk pemerhatian kerajaan dan harap dapat diluluskan.

"Ia termasuk menghentikan kegiatan vesel-vesel (kapal) yang menyalahgunakan sistem mereka.



"Selain itu, kita harus bertindak tegas untuk menenggelamkan atau menghapuskan vesel-vesel yang bukan sekadar vesel asing masuk tetapi vesel sedia ada sekiranya mereka melanggar peraturan yang harus kita kuatkuasakan," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Dr Abd Latiff Ahmad (PH-Mersing) mengenai penyalahgunaan lesen serta cadangan penggunaan alat yang lebih moden untuk menambah hasil laut negara.

Mengulas lanjut, Salahuddin berkata, pihaknya baru-baru ini mengadakan pertemuan dengan Kementerian Kelautan Indonesia dan dua isu dikemukakan iaitu troler yang merosakkan ekosistem serta lesen yang disalah guna. Justeru, Salahuddin berkata, kementerianya akan melakukan pendekatan holistik dan komprehensif bagi memastikan keseluruhan sistem dapat dibaiki.

**Putrajaya**

**Tiada keperluan tambah aset APMM**

Tiada keperluan daripada kerajaan untuk menambah aset dan kapal bagi keperluan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dalam tempoh terdekat khususnya bagi menanganis isu pencerobohan nelayan asing di perairan negara.

Mengulas perkara itu, Menteri Dalam Negeri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan mendapat mobilitasi aset dan kapal oleh lain-lain agensi penguatkuasaan dilihat sudah cukup berkesan untuk membanteras isu pencerobohan nelayan asing buat masa ini.

"Kerajaan aku adanya keperluan untuk menambah aset berkenaan tapi saya tidak fikir ia dapat dilakukan dalam masa terdekat.



**MUHYIDDIN**

cukup berkesan," katanya ketika ditemui selepas Mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), di sini, semalam.

Menurutnya, Ops Naga yang dilancarkan pada April lalu masih berjalan dengan kerjasama membabitkan

empat kementerian dan tujuh agensi penguatkuasaan dan keselamatan.

Pada April lalu, kabinet meluluskan penubuhan satu pasukan petugas khas disertai empat kementerian dan tujuh agensi serta keselamatan bagi menanganis isu pencerobohan nelayan asing warga Vietnam dalam perairan negara.

Pasukan petugas khas itu dikenali oleh Kementerian Kelautan Negeri selain disertai oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pertahanan serta Kementerian Litar.

Tujuh agensi penguatkuasaan dan keselamatan yang terbabit pula adalah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia, Jabatan Perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Jabatan Imjuresen dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.



## Bot nelayan tempatan, tekong Thailand ditahan

**Kuala Terengganu:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Terengganu menahan bot nelayan tempatan kelas C yang dikesan menangkap ikan di kawasan berhampiran pantai di negeri ini, kelmarin.

Bot itu ditahan bersama empat nelayan termasuk tekong warga Thailand berusia antara 26 hingga 50 tahun ketika berada pada kedudukan 17 batu nautika dari muara Kuala Terengganu, jam 1.35 tengah hari oleh anggota yang melakukan rondaan Op Naga Barat di perairan negeri ini.

Pengarah APMM Terengganu Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, bot itu ditahan kerana melakukan kesalahan melanggar syarat lesen dikeluarkan, iaitu melakukan aktiviti menangkap ikan di kawasan tidak dibenarkan.

“Aktiviti menangkap ikan bot nelayan tunda kelas C di kawasan berdekatan dengan persisiran pantai boleh mendatangkan bahaya kepada nelayan kecil selain memusnahkan ekosistem ikan dan batu karang.

“Jadi, bot kelas C yang sepatutnya berada di laut dalam tidak dibenarkan berada dan menjalankan aktiviti menangkap ikan di kawasan berhampiran pantai,” katanya dalam kenyataan, di sini,

semalam.

Beliau berkata, bot itu dibawa ke Jeti APMM Terengganu di Pulau Kambing di sini, untuk siasatan mengikut Seksyen 8 (b) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan di kawasan tidak dibenarkan mengikut syarat lesen.

Katanya, pemilik bot itu boleh dikenakan kompaun atau denda maksimum sehingga RMI,000 jika sabit kesalahan.

Dalam pada itu, Muhammad Suffi berkata, pihaknya bersama beberapa jabatan lain giat menjalankan Op Naga bagi membanteras nelayan asing yang menceroboh perairan negara.

“Bagaimanapun, kami turut menggerakkan aset bagi mengekang salah laku bot nelayan tempatan seperti salah guna lesen dan pencerobohan kawasan tangkapan.

“Kami tidak berkompromi terhadap kesalahan dan sentiasa melakukan rondaan serta pemantauan bagi mencegah sebarang aktiviti menyalahi undang-undang maritim.

“Kerjasama masyarakat terutama nelayan tempatan penting untuk melaporkan maklumat dan salah laku di perairan negara ke talian MERS 999 atau 09 6224357 (Pusat Operasi) APMM Terengganu,” katanya.



APMM Terengganu menahan bot nelayan tempatan jenis kelas C dan menahan empat awak-awak termasuk tekong warganegara Thailand di lokasi 17 Batu nautika dari muara Kuala Terengganu, kelmarin.



**RM100,000 baiki  
jeti pendaratan ikan  
pari di Marudu  
Pitas, lima peserta  
dapat bantuan dana**

MUHAMMAD SHAMSUL ABD GHANI

SABAH

**K**ementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengumumkan peruntukan sebanyak RM100,000 bagi membaiki pulih jeti pendaratan ikan pari sebagai kemudahan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Marudu Pitas di Kampung Tambun Sabtu lalu.

Berita gembira itu ditumunkan Menteri, Datuk Salahuddin Ayub selepas membuat lawatan bagi meninjau keperluan penduduk di kawasan berkenaan yang majoritinya bekerja nelayan.

Katanya, beliau akan sentiasa turun padang untuk meneliti keperluan nelayan, petani dan pesawah yang kini telah menjadi sebahagian daripada dirinya.

"Ketika menaiki bot dan meninjau keadaan jeti ini, dari jauh saya sudah dapat melihat keadaan jeti ini, memang ia perlu dibaiki. Insya-ALLAH, kerajaan akan sediakan RM100,000 dahulu," katanya.

Hadir sarifa, Timbalannya, Sirn Tze Tzin dan Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Sallehuddin Hassan.

Jelasnya, besar harapan kementerian agar pembinaan jeti yang baharu itu akan dapat membantu memudahkan rutin harian nelayan di kawasan berkenaan.

"Apa yang penting nelayan dapat manfaat iaitu dapat mendaratkan hasil tangkapan mereka nanti. Kita umumkan juga untuk

# Nafas baru nelayan Kampung Tambun



Penyerahan peruntukan sebanyak RM100,00 untuk baiki pulih Jeti Pendaratan Ikan Pari.

FOTO: ZAHID EZWAN

membina bagang yang berharga antara RM14,000 hingga RM15,000 untuk tujuan menangkap ikan bilis. Permohonan kita pertimbangkan melalui jabatan perikanan," katanya.

Pada majlis itu, Salahuddin turut menyampaikan Bantuan Dana Nelayan sebanyak RM25,000 kepada lima peserta perintis program penangkapan ikan pari dengan cara merawai.

"Saya sangat gembira dengan projek perintis penangkapan ikan pari ini. Saya kira projek ini mampu menyuntik perkembangan ekonomi Persatuan Nelayan Ka-



Sesosok di jeti pendaratan ikan pari di Kampung Tambun Kota Marudu Pitas, Sabah.

wasan (PNK) dengan memasarkan ikan pari sekali gus menyumbang kepada pendapatan sosioekonomi nelayan dan ahli," katanya.

## Polisi baharu kurangkan kerenah birokrasi

Salahuddin ketika berucap menegaskan, beliau kini mengam-bil pendekatan baharu bagi memudahkan urusan para petani, nelayan dan pesawah.

Menurutnya, satu polisi untuk memudahkan semua urusan golongan berkenaan akan dilakukan.

"Kementerian akan tolong dengan syarat jangan tipu, jangan selweg, setiap borang permohonan isi dengan betul. Anda mestilah nelayan sebenar, bukan nelayan yang hanya mengaku nelayan," katanya.

Dalam pada itu, Salahuddin

info

- Projek perintis penangkapan ikan pari dengan cara merawai mula dilaksanakan pada 1 April 2019 melibatkan tiga peserta dan tiga pegawai penyelia dengan suntikan modal Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Marudu Pitas sebanyak RM14,200
- PNK memasarkan dua spesies ikan pari di Sandakan iaitu ikan pari pasir dan ikan pari daun dengan harga membebankan. Projek itu juga dilihat mampu menyuntik perkembangan ekonomi PNK
- Teknik rawai dikategorikan sebagai peralatan memancing dan boleh digunakan di Sabah. Namun, ia masih dalam peringkat kajian dari segi penggunaannya oleh Jabatan Perikanan Sabah

turun meminta orang ramai mendoakan supaya keadaan ekonomi kembali kukuh bagi membolehkan lebih banyak manfaat dapat di-gihkan kepada rakyat.

Beliau juga mahu pegawai dan kakitangan kerajaan bekerja dengan telus tanpa berlaku penyele-wengan supaya hasil negara dapat ditingkatkan dan keperluan nela-yan ditunaikan.

Katanya, beliau ketika ini sangat komited untuk memajukan industri perikanan dan pertanian negara yang kini menjadi tang-gungjawabnya.

"Jauh di lubuk hati, saya telah dapat merasakan saya kini menja-di sebahagian daripada nelayan, petani dan pesawah. Saya sentiasa berfikir bagaimana hendak meningkatkan pendapatan nelayan, petani dan pesawah. Kita perlu perjuangkan sama-sama hasrat ini," katanya.

Dalam pada itu tegasnya, sela-ras dengan usaha kementerian yang akan memperkenalkan dasar baharu berkaitan sektor perikan-an, beliau yakin nasib para nelayan akan terbelah.

Katanya, melalui dasar baharu itu, banyak perkara akan dikuat-kuasakan termasuk penggunaan pukal yang tidak sewajarnya akan dihentikan dan pencerobahan nelayan asing dikawal.

"Insya-ALLAH selagi ada per-untukan yang terdapat di kementerian melalui jabatan, kami akan turunkan kepada rakyat. Hasrat kami adalah untuk memudahkan nelayan agar dapat hidup dengan lebih baik bagi menambah penda-patan keluarga," katanya.



Salahuddin (tengah) bergambar bersama warga Kampung Kota Marudu Pitas.





Pandangan dari Jeti Sitompok ketika Salahuddin dalam lawatan kerja dan ramah mesra bersama nelayan dan agropreneur muda di Kuala Penyu, Sabah.



Salahuddin (tengah) menyampaikan replika cek Penerima Geran Agropreneur Muda Negeri Sabah bernilai RM342,000 kepada wakil agropreneur dalam lawatan kerja dan ramah mesra bersama nelayan dan agropreneur muda di Kuala Penyu, Sabah.

# Bantuan segera untuk Jeti Sitompok

**Terima peruntukan RM200,000 bagi pembinaan jeti baharu**

MUHAMMAD SHAMSUL ABD GHANI

SABAH

**N**elayan di daerah Kuala Penyu di sini turut mendapat perhatian Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) apabila mengumumkan bantuan segera sebanyak RM200,000 bagi pembinaan Jeti

Sitompok yang baharu.

Pengumuman itu diumumkan Menteri, Datuk Salahuddin Ayub dalam lawatan kerja dan majlis ramah mesra bersama nelayan di kawasan itu, susulan keadaan jeti lama yang sudah daif dan memerlukan pembinaan baharu untuk kegunaan nelayan di Kuala Penyu.

Salahuddin berkata, beliau berharap dengan pembinaan jeti baharu itu dapat memudahkan rutin harian nelayan di kawasan berkenaan yang sebelum ini berhadapan dengan masalah mendarat hasil tangkapan.

"Melalui bantuan yang diumumkan ini saya harap pihak kontraktor yang diberi tanggungjawab dapat melaksanakan projek

ini sesegera mungkin.

"Apabila jeti ini dapat dibina lebih cepat ia boleh segera digunakan bagi memajukan lagi industri nelayan di kawasan ini," katanya ketika menyampaikan ucapan pada majlis ramah mesra bersama nelayan dan Agropreneur Muda Sabah pada Ahad lalu.

Hadir sama, Timbalannya, Sim Tze Tzin dan Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan.

Salahuddin ketika menyentuh mengenai masa depan industri berasaskan perikanan negara berkata, ketika ini kerajaan sedang berusaha menggunakan pendekatan baharu.

"Saya percaya bidang ini akan

melangkah ke fasa yang lebih dinamik. Saya juga percaya masa hadapan industri ini akan lebih cerah setelah melihat penerimaan besar anak muda untuk mencubai bidang ini.

"Dalam siri lawatan di Sandakan, saya melihat ada anak muda yang telah berjaya membina industri ketam lembut, industri akuakultur, mereka sama sekali tidak menghadapi masalah kewangan," katanya.

Pada majlis itu, Salahuddin menyampaikan replika cek bagi membina jeti berkenaan kepada Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuala Penyu Mohd Yusof Mohamad.

## Bantuan untuk golongan sasaran

Mengulas mengenai Agropreneur Muda Sabah, Salahuddin percaya program itu dapat menarik serta menggalakkan penglibatan golongan muda dalam sektor pertanian negara.

"Sebenarnya, satu saja kata kunci yang saya dapati sepanjang setahun menerajui Kementerian ini. Mereka yang benar-benar berusaha akan berjaya melalui bantuan kerajaan yang disampaikan tepat kepada golongan sasaran, itu formulanya.

"Kita akan bantu usahawan

**info**

Pembinaan sementara Jeti Sitompok dimulakan sendiri oleh Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuala Penyu pada 21 Februari lalu dengan kos RM15,000. Ia dibina di atas rizab perikanan Kuala Penyu dengan mendapat kelulusan daripada Jabatan Perikanan Sabah dan Pejabat Daerah Kuala Penyu

muda, jika mereka gagal dalam projek, kita akan beri khidmat nasihat. Bagi usahawan yang sudah berjaya, kita akan bantu membesarkan lagi perniagaan mereka," katanya yang turut menyampaikan geran Agropreneur Muda Negeri Sabah bernilai RM342,000 kepada seramai 40 peserta program tersebut.

Seramai 419 agropreneur muda di Sabah telah menerima kelulusan geran Agropreneur Muda berjumlah RM5.8 juta sejak 1 Januari 2016 hingga 31 Mei lalu.

Daripada jumlah itu, seramai 267 agropreneur muda menerima geran RM3 juta bagi sektor tanaman, 97 orang menerima RM1.6 juta (sektor industri asas tani), 28 orang menerima RM663,000 (sektor ternakan) dan 27 orang menerima RM607,000 bagi sektor perikanan.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuala Penyu, Mohd Yusof Mohamad berbesar hati dengan bantuan disalurkan Kementerian.

"Kami telah memohon peruntukan ini tahun lepas, alhamdulillah hari ini kami menerima khabar gembira. Kami akan memaksimumkan penggunaan jeti berkenaan. Terima kasih di atas keprihatinan menteri," katanya.



Penduduk yang hadir pada majlis ramah mesra bersama nelayan dan Agropreneur Muda Sabah pada Ahad lalu.



Dari Kir: Mohd Sallehuddin dan Salahuddin menyampaikan replika cek bernilai RM200,000 kepada Pengerusi Nelayan Kawasan (PNK) Kuala Penyu, Mohd Yusof Mohamad untuk pembalakan Jeti PNK Kuala Penyu. Turut kelihatan, Tze Tzin (kanan).



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/7/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

# Saman tertunggak Kementerian Pertanian, Industri Asas Tani

## KUALA LUMPUR 15

**Julai** - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mempunyai lebih RM200,000 saman tertunggak sejak 10 tahun lalu.

Dalam Laporan Ketua Audit Negara 2018 yang dikeluarkan hari ini, Ketua Audit Negara, Nik Azman Nik Abdul Majid memaklumkan, kementerian itu berhutang RM249,730 untuk 1,210 saman sejak 1999 hingga tahun lalu.

Saman itu dikeluarkan ke atas kenderaan rasmi yang digunakan pegawai kementerian terbabit.

Sementara itu, Kementerian Kewangan mempunyai 333 saman trafik tertunggak berjumlah RM69,585 dari 1999 hingga 2018, disusuli Kementerian Belia dan Sukan mencatatkan 135 saman tertunggak dengan nilai RM29,250 sejak 2006.

Tambah Nik Azman, 13 kementerian mempunyai 2,081 saman ter-



tunggak berjumlah RM430,000 sejak 1999 hingga 2018.

“Antara punca berlakunya saman tertunggak adalah surat peringatan tidak dikeluarkan ketua jabatan kepada pemandu/pegawai menggunakan kenderaan itu.

“Pemandu atau pengguna kenderaan tidak dapat dikesan dan tiada tindakan pemantauan diambil kementerian bagi menyelesaikan kes saman tertunggak.”

Nik Azman berkata, 16 kementerian juga gagal mengemas kini buku log kenderaan mereka.

“Buku log hendaklah dikemas kini oleh pemandu bagi setiap perjalanan dan penyenggaraan kenderaan.

“Ia bagi tujuan pemantauan pergerakan kenderaan jabatan serta memastikan tiada sebarang penyalahgunaan dalam urusan perjalanan.” ujarnya.





TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/7/2019	KOSMO	NEGARA	12

# Pengusaha perlu teroka inovasi baharu produk kopi tempatan

**KUALA LUMPUR** – Malaysia merupakan antara pengeluar produk kopi campuran tiga dalam satu terbaik di rantau ini.

Namun, pengusahanya dilihat masih memberi tumpuan kepada penghasilan kopi campuran berbanding menghasilkan inovasi terkini dalam produk kopi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin berkata, pengusaha produk itu perlu melakukan anjakan

dengan mengambil kira trend penggemar kopi semasa untuk terus bersaing dalam industri itu.

“Sekarang orang Jepun telah mencipta mesin kopi dengan kapsul dan ini adalah trend terbaharu. Saya rasa, pengusaha kopi perlu meneroka lebih jauh daripada hanya mengeluarkan produk kopi campuran tiga dalam satu.

“Sehingga kini, kita adalah pengeluar produk kopi campuran tiga dalam satu yang terbaik di rantau ini

tetapi cita rasa pengguna kini sudah berubah kepada bentuk kapsul dan kita perlu ke arah itu juga,” katanya pada persidangan Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan tambahan Wong Shu Qi (**PH-Kluang**) yang ingin tahu usaha kementerian dalam meningkatkan pendapatan pengusaha tanaman kopi dan penghasilan kopi tempatan supaya boleh dieksport ke pasaran luar. – Bernama



Headline	Innovate and keep up with trends, coffee manufacturers told		
MediaTitle	Edge Markets (www.theedgemarkets.com)		
Date	16 Jul 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

## Innovate and keep up with trends, coffee manufacturers told

KUALA LUMPUR (July 15): While Malaysia is one of the top manufacturers of 3-in-1 coffee blends in the region, there is a need for entrepreneurs in the industry to look at current trends and come up with new innovations. Deputy Agriculture and Agro-based ...

*To read the rest of the article, click [View Full Article](#)*



Headline	Innovate and keep up with trends, coffee manufacturers told		
MediaTitle	KL Screener ( <a href="https://www.klscreener.com">https://www.klscreener.com</a> )		
Date	16 Jul 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

## Innovate and keep up with trends, coffee manufacturers told

KUALA LUMPUR (July 15): While Malaysia is one of the top manufacturers of 3-in-1 coffee blends in the region, there is a need for entrepreneurs in the industry to look at current trends and come up with new innovations. Deputy Agriculture and Agro-based ...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***



Headline	Innovate and keep up with trends, coffee manufacturers told		
MediaTitle	sme.com.my (sme.com.my)		
Date	16 Jul 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	6	Readership	5
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,050
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,150

## Innovate and keep up with trends, coffee manufacturers told

KUALA LUMPUR (July 15): While Malaysia is one of the top manufacturers of 3-in-1 coffee blends in the region, there is a need for entrepreneurs in the industry to look at current trends and come up with new innovations. Deputy Agriculture and Agro-based ...

*To read the rest of the article, click [View Full Article](#)*

Headline	Innovate and keep up with trends, coffee manufacturers told		
MediaTitle	Martin TF Wong (martintfwong.com)		
Date	16 Jul 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

## Innovate and keep up with trends, coffee manufacturers told

KUALA LUMPUR (July 15): While Malaysia is one of the top manufacturers of 3-in-1 coffee blends in the region, there is a need for entrepreneurs in the industry to look at current trends and come up with new innovations. Deputy Agriculture and Agro-based ...

*To read the rest of the article, click [View Full Article](#)*



Headline	Durian Musang King dari Malaysia mula dijual di China		
MediaTitle	Free Malaysia Today(www.freemalaysiatoday.com)		
Date	16 Jul 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	6	Readership	5
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,050
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,150

## Durian Musang King dari Malaysia mula dijual di China

Malaysia yang terkenal dengan keenakan buah durian terutamanya "Musang King" menjadi viral sehingga ke negara China.

Durian Musang King yang sememangnya menjadi pilihan Rakyat Malaysia, kini boleh didapati di China hanya dengan membuat tempahan menerusi ...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

## Musnah bot nelayan langgar peraturan

**Kuala Lumpur:** Bot pukat tunda nelayan tempatan yang mencero- boh di luar perairan dibenarkan sehingga mengundang kerosakan ekosistem marin akan dikenakan tindakan tegas.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, menegaskan pihaknya tidak teragak-agak mengambil pendekatan punitif seperti memusnahkan bot dan membatalkan lesen nelayan yang masih melanggar peraturan ditetapkan.

"Pukat tunda yang sah ada bukti melakukan pencero- boh sehingga merosakkan ekosistem, kalau masih degil, kita akan musnahkan bot mereka dan batalkan lesen," katanya pada sesi pertanyaan isian di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Awang Hashim (PAS-Pandang) berhubung langkah transformasi pukat tunda seperti mengetatkan syarat pelesenan dan pengenalan musim tertutup zon B (kawasan perairan sensitif).

Ia berikutan wujud rungutan dalam kalangan nelayan mengenai penggunaan pukat 'dua papan tunda' yang mencetuskan impak negatif terhadap ekosistem marin.

Selepas meneliti rungutan berkenaan, Salahuddin berkata, pihaknya dimaklumkan lesen bagi menggunakan jenis pukat yang merosakkan ekosistem itu diluluskan pentadbiran terdahulu.

Katanya, pertimbangan yang menyaksikan kelonggaran penggunaan pukat jenis berkenaan dikatakan atas dasar mengambil kira faktor politik di kawasan ter- bahit.

"Saya maklum mengenai penggunaan 'double troller' (pukat dua papan tunda) itu dan membuat 'homework' (semakan), lesen itu dikemukakan pada 'zaman purba kala'.

"Ia atas beberapa faktor politik di kawasan itu. Ini kita akan hapuskan, tidak akan diizinkan sama sekali.

"Cara terbaik, kita akan transformasikan B untuk pergi ke C, bagi membolehkan mereka memukat di laut dalam dan diberikan insentif," katanya.



**Kami tidak teragak-agak mengambil pendekatan punitif seperti memusnahkan bot dan membatalkan lesen nelayan.**

**Salahuddin Ayub,  
Menteri Pertanian dan  
Industri Asas Tani**



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/7/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGRI	9

## GIAT PERIKANAN LAUT DALAM



**ABD. LATIFF AHMAD**

**SOALAN:** Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad (PH-Mersing) ingin tahu sama ada kerajaan akan mempergiatkan perikanan laut dalam agar dapat menambah hasil tangkapan ikan.

**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI, DATUK SALAHUDDIN AYUB:**

Kementerian menyasarkan pendaratan perikanan tangkapan marin pada 2020 berjumlah 1.5 juta tan matrik. Sejumlah 1,138 vesel penangkapan ikan laut dalam dilesenkan dan masih aktif beroperasi dan sembilan buah kompleks pendaratan perikanan laut dalam telah dibangunkan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/7/2019	KOSMO	NEGARA	15

# Ikan lumba-lumba berusia 30 tahun ditemui mati

**BALIK PULAU** - Bangkai seekor ikan lumba-lumba seberat kira-kira 70 kilogram ditemui terdampar di kawasan pesisir pantai Permatang Damar Laut, Bayan Lepas di sini semalam.

Bangkai berkenaan ditemui seorang nelayan kira-kira pukul 8 pagi sebelum memaklumkan kepada Jabatan Perikanan negeri.

Pengarah Jabatan Perikanan negeri, Noraisyah Abu Bakar berkata, ikan lumba-lumba sepanjang 1.2 meter daripada spesies *Porpoise Ambu* itu dipercayai mati kira-kira dua minggu lalu.

"Ikan lumba-lumba itu dianggapkan berusia 30 tahun dan disyaki mati kerana telah tua dan keadaan bangkainya hampir reput.

"Pemeriksaan pada badan bangkai mendapati tiada kesan sebarang terkena kipas bot atau dipukul," katanya kepada pemberi-



**BANGKAI** ikan lumba-lumba ditemui terdampar di kawasan pesisir pantai Permatang Damar Laut, Pulau Pinang semalam.

ta di sini semalam.

Dalam pada itu, Noraisyah berkata, orang ramai dan nelayan perlu melaporkan kepada Jabatan Perikanan jika menemukan spesies-spesies yang terancam terdampar di kawasan pantai.

"Mengikut rekod Jabatan Perikanan pada 2016 terdapat lima kes mamalia terdampar yang diuruskan oleh agensi ini manakala pada 2017 pula terdapat tujuh kes," jelasnya.



Headline	Seaweed cluster projects in Sabah not achieving objectives		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	16 Jul 2019	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	3	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	208 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 580
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,740



# Seaweed cluster projects in Sabah not achieving objectives

**KOTA KINABALU:** The implementation of the seaweed cluster project in the state under Sabah Fisheries Department has not met its objectives as only four of the 10 clusters planned were set up and in operation.

According to the 2018 Auditor-General's Report Series 1, an estimated 360 participants have yet to benefit from the project as six clusters targeted have yet to take off.

"The productivity of seaweed output for 2013, 2014 and 2015 were 2.09 tonnes, 2.46 tonnes and 3.24 tonnes per hectare for each participant which was lower compared to the target of five tonnes per hectare per year for each participant.

"The project target to raise the income of participants to more than RM1,000 a month has yet been achieved as the average monthly income of each participant in 2013, 2014 and 2015 were RM436.03, RM511.81 and RM675.78," the report said.

According to the report, as at 2018, Sabah is the largest grower of seaweed in the country with an area of 9,836 hectares.

"The east coast of Sabah (Semporna, Lahad Datu, Kunak and Tawau) represents 99.9 per cent of the cultivated area while the remaining farms are found the west coast (Tuaran).

"The government's target is to create 10 clusters involving 600 participants by 2020," the report said.

To overcome the weaknesses identified and to ensure the seaweed cluster project is managed efficiently and effectively, the Auditor-General recommends that Sabah Fisheries Department takes four improvement measures.

The first measure is to carry out detailed planning including the issue of land and appoint competent pioneer participants to expedite the setting of the remaining clusters to ensure the project operate well and benefit the farmers.

The second step is to conduct research and development to produce seaweed seeds which could yield higher productivity to achieve the objective of five tonnes per hectare per year for each participant.

The third measure is to create a marketing mechanism with the cooperation of the Area Farmers Organisation to assist farmers sell seaweed at a more competitive price and is not limited to a middleman monopoly or a specific company while the government should also set the floor price by providing subsidy to stabilise seaweed price.

The fourth move is to educate and provide guidance to participants to practice the approach of semi-commercial farming so that the products could be marketed globally.

- Bernama



## LKIM tumpu usaha jual ikan dengan harga murah

**LEMBAGA** Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dalam usaha meningkatkan pengeluaran ikan 'QFish' iaitu ikan segar beku yang popular seperti kembung, selar dan selayang dengan harga RM10 sekilogram.

Pengerusinya Faiz Fadzil berkata, QFish menggunakan teknologi individual 'quick freezing' (IQF) yang membekukan ikan yang baru mendarat dengan simpanan suhu yang sesuai untuk memastikan kesegaran dan kualiti ikan.

LKIM telah menambah kemudahan IQF di Besut di samping yang sedia ada di Kuala Kedah yang diusahakan persatuan nelayan.

Di samping itu, katanya, usaha untuk menjual ikan lebih murah di Semenanjung Malaysia terutama di bandar besar sedang diusahakan dengan membawa ikan dari Sabah melalui peranan yang diambil Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) yang boleh memendekkan rantaian bekalan (chain of supply).

Menurut Faiz juga, segala usaha ini adalah untuk mencapai agenda LKIM bagi rejuvenasi industri perikanan dalam usaha kerajaan PH mengurangkan kos sara hidup dan pada masa yang sama meningkatkan pendapatan nelayan.

Sehubungan dengan itu, Faiz bersama Pengerusi NEKMAT dan Pengerusi PNK Sandakan meninjau pendaratan ikan sekitar jam 2 pagi di Pasar Besar Sandakan yang menjual ikan begitu murah.

"Harga ikan di Sabah memang murah kerana hasil tangkapan ikan yang banyak dan Sandakan boleh dianggap pintu masuk (gateway) ikan Malaysia, ikan kembung hanya RM4 sekilogram. Jualan ikan yang lebih murah dan berpatutan sedang diusahakan kerajaan PH," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/7/2019	KOSMO	NEGARA	4



## **EKSPORT NANGKA**

**PEMILIK** Ladang Nangka Dimensi Sejahtera Sdn. Bhd., Yussof Buyamin (kanan) melihat pekerjaanya membalut nangka bagi menjaga kualiti buah sebelum dipetik untuk dieksport ke England di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Lanchang, Temerloh, Pahang semalam.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/7/2019	HARIAN METRO	TENGAH	28

## Nangka Malaysia ke London



**PEMILIK** Ladang Nangka Dimensi Sejahtera Sdn Bhd Yussof Buyamin, 62, (kanan) melihat pekerjaanya membalut nangka bagi menjaga kualiti buah sebelum dipetik untuk dieksport ke England pada pelancaran From Lanchang To London di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Lanchang, semalam.



# Nangka Temerloh ke London

■ TEMERLOH 15 JULAI

**K**EMANISAN dan tekstur rangup nangka keluaran sebuah ladang di Lanchang di sini, berjaya menembusi pasaran kota London sejak dua tahun lalu.

Hasil tani oleh usahawan Yussof Buyamin yang juga pemilik Syarikat Dimensi Sejahtera Sdn. Bhd. itu, dihantar ke beberapa pasar raya di London, dengan menggunakan kargo udara setiap minggu.

Katanya, projek penanaman nangka di kawasan seluas 40 hektar di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di sini bermula kira-kira 11 tahun lalu, sebelum 'menerokai' pasaran London pada 2017.

"Kriteria nangka yang diekspor dijaga dengan begitu teliti. Hanya nangka terbaik daripada segi saiz, kerangupan, kemanisan dan ketahanannya yang layak untuk diekspor bagi menjaga kualiti.

"Setiap minggu, syarikat yang menguruskan hal eksport datang ke ladang membeli buah dengan jumlah kira-kira 20 tan metrik se-



**MOHD. SOFFI ABD. RAZAK** (kanan) bersama Zahimi Hassan (tengah) mendengar penerangan Yussof Buyamin mengenai nangka yang dihasilkan di Temerloh, Pahang, semalam.

bulan," katanya kepada pemberita semasa ditemui dalam majlis Pelancaran Dari Lanchang ke London di TKPM di sini hari ini.

Majlis itu dirasmikan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ir. Mohd. Soffi Abd. Razak dan turut hadir, Pengarah

Jabatan Pertanian negeri, Datuk Zahimi Hassan.

Yussof berkata, untuk pasaran eksport nangka itu dijual pada harga RM3.50 sekilogram dan beliau difahamkan, harganya akan melonjak kira-kira RM30 sekilogram di London.

Bagi pasaran tempatan, buah

itu dijual RM2.50 sekilogram dan beliau boleh memperoleh pendapatan bulanan antara RM70,000 hingga RM90,000, bergantung kepada jumlah pengeluaran dan permintaan.

"Permintaan agak berkurangan sedikit pada Mei hingga Julai, kerana nangka perlu bersaing dengan buah bermusim seperti durian, mangga harum manis dan rambutan.

"Untuk tanaman nangka, faktor terpenting ialah pengairan kerana jika kemarau atau kurang air, buah berisiko untuk bantut," katanya yang mempunyai 5,000 batang pokok nangka.

Sementara itu, Mohd. Soffi berkata, kerajaan negeri akan memberi sokongan dan bantuan kepada pengusaha nangka lain yang mahu menerokai pasaran luar, kerana potensi besar produk tani itu.

Beliau berkata, setakat ini, terdapat 46 pengusaha individu dan 40 syarikat menanam nangka di TKPM, namun hanya satu yang berjaya menembusi pasaran Eropah. - BERNAMA

# Kegiatan bom ikan didalangi rakyat Malaysia

**PUTRAJAYA 15 Julai** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) tidak menolak kemungkinan aktiviti penjualan bahan peledak yang digunakan dalam kegiatan bom ikan didalangi rakyat Malaysia.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Maritim Malaysia, Datuk Mohd. Zubil Mat Som menegaskan, penjualan bahan itu perlu ditangani segera sekiranya negara mahu menyekat kegiatan bom ikan yang dilihat mendatangkan kesan buruk kepada industri perikanan.

"Kita perlu melihat punca

bom ikan berlaku iaitu mengekang penjualan bahan peledak selain memastikan tiada lagi penjualan hasil laut daripada aktiviti bom ikan di pasar.

"Maritim Malaysia percaya jika kedua-dua perkara ini dapat ditangani, maka tidak akan berlaku lagi aktiviti bom di perairan negara," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Kolaborasi Strategik Keselamatan dan Kesejahteraan Pelantar Minyak antara Maritim Malaysia dan Petronas.



**MOHD. ZUBIL MAT SOM** (kiri) bertukar-tukar dokumen dengan Naib Presiden Kanan Strategi Korporat Petronas, Ir. Mohamed Frouz Ansan di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/RASHID MAHFUF



# Pujuk penyu kembali bertelur di Terengganu

**P**ENYU amat sinonim dengan Terengganu sehinggakan skuad bola sepak negeri yang kini dinamakan sebagai Terengganu Football Club masih mendapat jolokan Skuad Penyu.

Pesisiran pantai Terengganu khususnya di Rantau Abang, Dungun menjadi tumpuan empat spesies penyu iaitu belimbing, lipas, karah dan agar melakukan pendaratan bagi bertelur.

Pada zaman kegemilangannya pada tahun 1960-an hingga lewat 1980-an, dianggarkan lebih kurang 9,000 telur penyu belimbing dapat dikutip di sekitar Rantau Abang pada setiap tahun.

Maka tidak hairan Rantau Abang ketika itu menjadi tumpuan pelancong untuk melihat pendaratan penyu belimbing atau nama saintifiknya *Dermochelys Coriacea* bertelur sehinggakan spesies penyu terbesar dunia tersebut dipilih sebagai ikon Terengganu.

Begitupun, semuanya tinggal sejarah apabila bilangan penyu mendarat untuk bertelur di pesisir pantai Terengganu semakin hari semakin berkurangan setiap tahun sejak lewat 1990-an.

Menurut Pengarah Perikanan Terengganu, Zawawi Ali, dua spesies penyu iaitu belimbing dan lipas masing-masing sudah tidak lagi mengunjungi pantai negeri tersebut untuk bertelur sejak dua tahun dan 16 tahun lalu.

"Kali terakhir penyu lipas mendarat di kawasan pantai Terengganu adalah pada tahun 2003 manakala penyu belimbing pula September 2017 malangnya 92 biji telurnya gagal menetas.

"Bilangan pendaratan dua lagi spesies penyu iaitu karah dan lipas pula dilihat makin berkurangan setiap tahun," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Zawawi berkata, sebanyak 3,815 pendaratan penyu karah dan lipas telah direkodkan di Terengganu pada tahun lalu dan ia sedikit merosot berbanding 3,888 kali pada tahun 2017.

Ujarnya, berdasarkan kajian, kesemua spesies penyu berkenaan termasuk belimbing dan lipas dikesan masih berada di perairan Terengganu namun seakan-akan enggan mengunjungi pantai negeri ini lagi untuk bertelur.

"Kita perlu mengetahui punca-punca yang menyebabkan kebanyakan penyu tersebut 'merajuk' dan mencari jalan penyelesaian untuk 'memujuk' haiwan reptilia itu agar kembali ke pantai Terengganu.

"Sehubungan itu, kita akan menggembelng tenaga dengan semua pemegang taruh yang



Di Sebalik  
Isu Panas

Bersama  
MOHD. AZLI ADLAN

Penyu merupakan haiwan yang amat sensitif dan tidak akan naik untuk bertelur di kawasan bising serta bercahaya cerah

berkepentingan dalam usaha pemuliharaan haiwan reptilia yang semakin terancam ini untuk mencari jalan penyelesaian," katanya.

Zawawi berkata, antara inisiatif bakal diambil ialah menganjurkan bengkel pengurusan strategik penyu di Terengganu melibatkan pelbagai pihak berkepentingan seperti Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Tabung Alam Sedunia (WWF) pada Oktober depan.

Menurutnya, antara cadangan yang bakal diperhalusi dalam bengkel itu ialah keperluan membeli telur penyu belimbing daripada Papua New Guinea bagi tujuan penetasan di Terengganu.

"Sebahagian besar anak penyu belimbing yang bakal berjaya ditetaskan daripada telur penyu yang dibawa dari Papua New Guinea itu dicadang dilepaskan semula ke laut menerusi pesisir pantai Terengganu dengan harapan ia bakal kembali semula untuk bertelur apabila matang kelak," katanya.

Sementara itu, seorang pema-

jak, Roslan Mohamad yang dilantik menjalankan aktiviti pemuliharaan penyu di pesisir pantai Paka, Dungun hingga Kemasik, Kemaman berpendapat, 'rajuk' penyu terutama spesies belimbing itu bersebab.

"Pendedahan keterlaluan terhadap aktiviti melihat penyu bertelur bagi tujuan pelancongan termasuk pemasangan lampu limbah sehingga awal tahun 1990-an menjadi antara punca penyu merasakan pantai Rantau Abang bukan lagi habitat yang sesuai.

"Penyu merupakan haiwan yang amat sensitif dan tidak akan naik untuk bertelur di kawasan bising dan bercahaya cerah," katanya.

Beliau berkata, walaupun kesedaran terhadap pemuliharaan penyu di Terengganu semakin tinggi, namun 'rajuk' sang penyu masih berpanjangan sehingga spesies belimbing dilihat lebih gemar memilih pantai di Indonesia dan Papua New Guinea untuk bertelur.

"Faktor kebersihan pantai juga memainkan peranan penting kerana penyu betina biasanya bertelur di pantai berhampiran perairan yang masih mempunyai banyak sumber makanan.

"Saya juga harap pihak berkuasa mengambil tindakan lebih tegas mengharamkan penggunaan pukuk pari dalam kalangan nelayan yang menjadi punca utama kepupusan penyu," katanya.

Tambah Roslan, dianggarkan kira-kira 12 hingga 25 bangkai penyu telah dijumpai di sekitar kawasan pesisir pantai jagaan sepanjang 30 kilometer dari Paka, Dungun hingga Kemasik, Kemaman pada setiap tahun akibat terjatuh ke dalam pukuk.